

16/08/2003

Rakyat Indonesia pilih pemerintah tahun depan

Hasliza Hassan

WALAUPUN dilanda pelbagai masalah, ancaman keganasan dan terbaru, serangan bom berkereta ke atas Hotel JW Marriot Jakarta, ulang tahun kemerdekaan Republik Indonesia ke-58, esok tetap disambut meriah dan penuh semangat.

Ikuti wawancara wartawan Unit Khas, HASLIZA HASSAN dengan Kuasa Usaha Ad Interim (KUAI) Kedutaan Indonesia, SUHERMAN OBON, mengenai acara sambutan yang bertemakan 'Dengan Semangat 17 Agustus 1945, Kita Galang Persatuan dan Kesatuan Untuk Tegakkan Tatanan Demokrasi Dalam Kehidupan Bermasyarakat, Berbangsa dan Bernegara'.

BH: Pertama sekali, kami ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Indonesia sempena sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia ke-58, pada 17 Ogos ini.

KUAI: Terima kasih kepada Berita Harian yang sudi memberikan liputan sempena sambutan ulang tahun Republik Indonesia ke-58, yang bukan saja disambut di Kuala Lumpur tetapi juga di Pulau Pinang, Johor dan Kota Kinabalu.

Bagi memeriahkan sambutan saya menjemput rakyat Indonesia di negara ini bersama meraikan dan menjayakannya.

Pelbagai program dirancang sempena sambutan ini, antaranya, pameran perdagangan bagi memperkenalkan produk berkualiti tinggi daripada Indonesia, pertunjukan fesyen yang mempamerkan 15 model batik dan songket Indonesia, pertunjukan kesenian daripada Sumatera Barat, program derma darah, aktiviti sukan, dan persembahan koir.

Acara kemuncak adalah menaikkan bendera Republik Indonesia pada pagi 17 Ogos di rumah Kedutaan, Jalan U-Thant.

BH: Bagaimana bentuk sambutan di Indonesia dan apakah acara paling popular bagi meraikan kedatangan bulan kemerdekaan?

KUAI: Selalunya semangat untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan sudah dirasai dua bulan sebelum tarikh sebenar, dan antara acara yang paling popular, terutama di kota kecil ialah pertandingan memanjat pokok pinang.

Menariknya pertandingan itu ialah, semua hadiah diletakkan di atas pokok pinang seperti baju, kasut, televisyen dan pelbagai hadiah istimewa lain. Jangan sangka ia mudah kerana batang pokok pinang itu dilumur dengan minyak. Suasana ini menjadi suatu kemestian bagi memeriahkan sambutan.

Lebih menarik, apabila datang 17 Ogos ini, setiap rakyat, walau semiskin mana pun, akan memastikan rumah mereka dicat baru. Bendera dipasang pada setiap rumah, walaupun hanya dibuat daripada kertas. Warna merah kuning akan ada pada setiap rumah.

BH: Menjangkau usia melebihi setengah abad, bagaimana kepemimpinan Indonesia mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan sosialnya?

KUAI: Tidak disangkal sepanjang 58 tahun itu, memang banyak cabaran dihadapi dalam usaha mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Saya akui masih banyak yang perlu diperbaiki, tetapi yang penting bagi kerajaan dan rakyat Indonesia ialah, kami mempunyai sistem politik yang demokrasi. Malah, pada pemilihan umum 2004 nanti, buat pertama kali, rakyat akan diberi hak serta kuasa untuk menentukan siapa bakal pemerintah.

Jika sekarang pemerintah dipilih dan dilantik oleh Parlimen, tahun depan, rakyat yang akan menentukannya. Apabila ini dapat dilaksanakan nanti, Indonesia akan menjadi negara demokrasi ketiga terbesar selepas India dan Amerika Syarikat.

Dalam bidang ekonomi pula, kami akan terus berusaha membebaskan

Indonesia secara total dan secepat mungkin daripada program Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi membolehkan kami mentadbir sendiri ekonomi negara. Cita-cita kami ialah ingin terus memakmurkan rakyat dan negara mengikut acuan sendiri.

Mengenai pembangunan sosial, kita sedar dengan autonomi khusus, kita beri kebebasan kepada daerah untuk mengurus sendiri infrastruktur mereka. Sebagai contoh, Aceh mempunyai kuasa autonomi khas dan ingin mengamalkan hukum syariah. Itu juga kita berikan.

BH: Dalam proses itu, pastinya ada cabaran dan kekangan. Bagaimana Indonesia mengatasinya?

KUAI: Cabaran yang sangat dirasai sekarang ialah, sebahagian kecil rakyat Indonesia ingin berpisah daripada Republik Indonesia. Kami menggunakan jalan damai dengan mengadakan dialog, malah turut memberi kuasa autonomi khas. Malangnya mereka tetap berdegil, malah menggunakan kekerasan. Kami tidak mempunyai cara lain, dan jalan terakhir ialah terpaksa membalas serangan mereka.

Kami berharap semua pihak dapat memahami situasi yang dihadapi kerana matlamat kami ialah menjaga keutuhan Negara Kesatuan Republik Indonesia serta keselamatan rakyat.

Begitu juga dengan ancaman keganasan seperti letupan bom. Indonesia adalah sebuah negara besar dengan keluasan 5 juta kaki persegi, jadi elemen keganasan atau terrorisme mudah berlaku. Seperti kejadian pengeboman di Bali dan terbaru di Hotel JW Marriot, kami percaya rakyat turut mengutuk tindakan itu.

Dalam menghadapi situasi keganasan, kami tidak mampu menghadapinya secara sendirian. Kami berterima kasih kepada kerajaan Malaysia dan rakyatnya yang sentiasa menyokong usaha Indonesia menangani masalah keganasan. Kepada rakyat Malaysia kami minta jangan takut ke Indonesia kerana pada hakikatnya, pengeboman boleh berlaku di mana-mana, tidak mustahil di Paris, London atau New York.

Jika tidak mahu datang ke Jakarta, boleh pergi Sulawesi. Negara kami besar, jadi saya minta jangan takut untuk datang.

BH: Apakah cita-cita kerajaan Indonesia yang kini masih belum tercapai dan apakah faktor yang menghalang?

KUAI: Semua pemimpin negara pasti ingin memberi kemakmuran dan keadilan kepada rakyatnya. Begitu juga kerajaan Indonesia. Ketika ini kami masih boleh 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan bangsa lain.

Bagaimanapun, tidak dinafikan masih banyak yang perlu dilakukan dan ini akan memakan masa. Sudah pasti keluarga yang mempunyai anak dua, tidak sama dengan keluarga yang mempunyai anak 20.

Kami yakin sesudah reformasi Indonesia nanti, negara akan mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan.

BH: Adakah peralihan kuasa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Oktober akan datang, memberi kesan dalam hubungan Malaysia dan Indonesia?

KUAI: Hubungan tetap sama kerana hubungan antara Indonesia dan Malaysia tidak boleh dipisahkan lagi. Sesiapa juga yang menjadi pemerintah, baik Suharto, Habibi, Gus Dur atau Megawati, keadaan tetap sama kerana hubungan bukan antara pemimpin saja, tetapi membabitkan hubungan antara rakyat.

Hubungan juga merangkumi semua aspek termasuk agama dan budaya. Jika di sini ada nasi lemak, di sana ada nasi udak. Nama berbeza tetapi rasanya, makannya, sama saja. Sesiapa juga yang bakal menjadi pemimpin, hubungan tetap sama. Kita boleh memilih kawan, tetapi kita tidak boleh memilih jiran.

BH: Isu membabitkan tenaga kerja Indonesia yang berkhidmat di Malaysia sering menimbulkan pergeseran. Walaupun wujud persefahaman, tidak dinafikan masih ada ruang yang perlu diperbaiki. Apa pandangan tuan?

KUAI: Hubungan perburuhan adalah hubungan membabitkan manusia, bukan seperti kita membeli atau menghantar barang. Pasti ada masalah, tetapi kedua pihak sentiasa cuba meminimumkan masalah yang timbul.

Kini kita sedang dalam proses membuat memorandum persefahaman bagaimana pemerintah Malaysia ingin mengambil pekerja Indonesia. Malaysia ingin pekerja yang baik dan Indonesia juga ingin membekalkan tenaga kerja yang baik. Dari masa ke semasa kita cuba memenuhi kehendak kedua-dua pihak.

Seperti yang saya kata, kita berhadapan dengan manusia, dan kadang kala kuasa kita tidak mampu mengawal keadaan atau masalah yang timbul.